

# PM ucap selamat Hari Sarawak

BH - 23/7/2020

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan, sambutan Hari Sarawak yang diraikan semalam sebagai hari bersejarah kepada seluruh warga negeri itu.

Perdana Menteri berkata, seluruh rakyatnya mengingati jasa dan pengorbanan pemimpin serta pejuang kemerdekaan negeri itu.

“Hari ini (22 Julai) adalah hari yang bersejarah bagi Sarawak. Sempena Hari Sarawak, kamek nak ngucap Selamat Ari Sarawak kepada semua penduduk negeri Sarawak,” katanya menerusi catatan di Facebook rasmi beliau semalam.

Dalam catatan itu, Muhyiddin memaklumkan, beliau sempat meraikan sambutan Hari Sarawak bersama Ahli-Ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam jamuan tengah hari

di bangunan Parlimen semalam.

Sambutan Hari Sarawak 2020 bertemakan ‘Sarawak Cemerlang’ diadakan secara maya dan disiarkan secara langsung menerusi pelbagai platform media sosial dari Miri, semalam.

Kerajaan negeri menetapkan Hari Sarawak disambut setiap 22 Julai bermula 2016 dan diwartakan sebagai hari cuti umum, bagi memperingati tarikh penyerahan pentadbiran negeri kepada rakyat tempatan oleh gabenor kerajaan Inggeris terakhir, Sir Alexander Waddell, pada 1963.

Perdana Menteri berkata, Sarawak adalah antara negeri yang sentiasa diberi keutamaan kerajaan Perikatan Nasional (PN) dalam apa juga program pembangunan, terutama bagi merapatkan

jurang ekonomi antara wilayah di negeri itu.

Katanya, ia selaras matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun secara mapan, seiring pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah.

“Perpaduan nasional adalah elemen penting dalam melahirkan sebuah negara yang aman dan stabil. Usaha menyatupadukan rakyat menerusi pengukuhan integrasi kaum di negara ini telah dimulakan sejak sekian lama.

“Dalam konteks Sarawak, kerajaan PN komited meneruskan agenda ini bagi memastikan pembangunan dan kemajuan negeri Bumi Kenyalang ini,” katanya.



**Muhyiddin meraikan sambutan Hari Sarawak** bersama Ahli Parlimen GPS dalam jamuan makan tengah hari di Parlimen, semalam.